

TAJUK KHUTBAH

S a b d a Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

Akan berpecah umat ku menjadi tujuh puluh tiga puak semua masuk neraka kecuali puak yang satu” Sahabat bertanya siapa mereka itu ya Rasulullah, jawab baginda, mereka yang tetap berpegang dengan ku dan sahabatku”



IMAM BERTUGAS USTAZ MOHD ALI SARBINI

MASJID NEGARA

29 FEB 2008

PERCUMA

1429 HIJRAH

JUMAAT KELIMA

Antara kelemahan yang paling mengkhawatirkan sedang melanda umat Islam ketika ini ialah perpecahan yang diakibatkan oleh kepelbagaian aliran pemikiran. Walaupun Islam tidak pernah menolak hakikat kerencaman pendapat, namun perselisihan yang menimbulkan pertentangan tajam sehingga menenggelamkan hakikat persamaan risalah dan matlamat ditentang sama sekali.

Jika diperhatikan secara objektif, kebanyakan perselisihan yang membawa kepada pertentangan dan perpecahan amat terkait dengan sikap fanatik terhadap pendapat sendiri, lantas cuba memonopoli pemikiran dan tiada kesediaan untuk menghormati pandangan orang lain. Penyakit yang disebut juga sebagai ‘al-’ijab bi al-ra’yi’ atau penyakit mengkagumi pendapat sendiri ini bagaikan wabak merbahaya yang sedang menjalar dalam urat saraf umat sehingga mereka tidak lagi mewarisi sikap dan adab para pejuang dan pendokong Islam terdahulu.

Firman Allah dalam surah an-nisaa’ ayat 32 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu terlalu mengharap (ingin mendapat) limpah kurnia Yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian Yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa Yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa Yang mereka usahakan; (maka berusaha kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesung-

guhnya Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Setiap orang yang mempunyai perasaan dan berakal memang mengetahui apa yang dinyatakan sebagai hasad dengki. Malah, kita mungkin pernah mengalami perasaan ini, iaitu satu perasaan irihati terhadap orang lain yang memiliki kebaikan atau kelebihan. Perasaan ini mungkin bersama dengan harapan untuk mendapat kebaikan atau kelebihan yang dimiliki oleh orang tersebut. Dan pada masa yang sama juga mungkin iri hati itu bersama cita-cita untuk melihat kejatuhan orang yang diirihatkan itu sebagaimana firman Allah Yang bermaksud:

“Jikalau kamu semua mendapatkan kebaikan, maka hal itu tidak menyelesaikan hati mereka sedang jikalau kamu semua mendapat kemudaratn, maka merekapun bergembira disebabkan kemudaratn tersebut.” (Surah al-Imran: 120)

Apakah pandangan Islam terhadap perasaan ini? Jika dilihat dari aspek sejarah kehidupan manusia, dengki ini sebenarnya telahpun lahir sejak zaman Nabi Adam a.s. sebagai mana kisah yang terdapat di dalam al-Quran. Allah berfirman;

“Ceritakanlah kepada mereka kisah dua putera Nabi Adam (Habil dan Qabil) menurut yang sebenarnya, ketika keduanya mempersembahkan korban, maka diterima dari salah seorang dari mereka berdua (Habil) dan tidak diterima dari yang lain (Qabil). Dia berkata

(Qabil): “Aku pasti membunuhmu!”. Berkata Habil: Sesungguhnya Allah hanya menerima (korban) dari orang-orang yang bertakwa”.



REMAJA HARI INI



Sejak akhir-akhir ini kita sering dihidangkan dengan berita-berita yang negatif tentang generasi muda di samping kisah kejayaan dan kecemerlangan yang telah diraih oleh mereka. Kes-kes salah laku jenayah sivil, jenayah syariah, masalah disiplin dan adab sering dikaitkan dengan generasi muda. Hal ini tentunya mengundang rasa rungsing dan gusar di kalangan pemimpin negara terutamanya kepada pempinan pertubuhan dan persatuan belia di negara kita.

Menurut Prof. Dr. Yusof Al Qaradhawi, seorang sarjana dan pemikir Islam yang tersohor dan disegani masa kini, katanya ; “ Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita akan datang adalah sebuah negara yang aman makmur ‘ baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur” tetapi jika keadaan adalah sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku

Seorang pemikir dan penyair terkenal Mesir, Ahmad Syauki pernah bermadah : “ Sesungguhnya sesuatu bangsa itu kuat dan hebat kerana akhlaknya, jika rosak akhlak itu maka bangsa itu akan lenyap dan hilang”.

Dalam usaha kita mencari manhaj sendiri (acuan) untuk membina dan membangun generasi muda hari ini, ia menuntut perhatian yang besar dan bersungguh-sungguh dari semua pihak sama ada dari kerajaan mau pun rakyat. Namun begitu janganlah usaha itu hanya ala kadar sahaja seperti melepaskan batuk ditangga atau berbentuk musim-musiman sahaja .

Sesungguhnya, peranan dan tanggung jawab belia pada hari ini adalah signifikan untuk menjana pembangunan negara bangsa dan cita-cita agama adalah cukup besar sekali. Peranan belia hari ini bukan sekadar membina kerjaya atau melakukan aktiviti-aktiviti untuk memenuhi masa lapang dan hobi sahaja tetapi warga belia sepatutnya turut sama menyumbang idea, masa dan tenaga ke arah pembangunan modal insan menjadi sebuah bangsa yang dihormati dan disegani di persada dunia.

Umat Melayu Muslim hari ini bukan lagi hanya menjadi penonton atau pemain simpanan sahaja tetapi haruslah bersiap siaga untuk menjadi pemain utama dalam memacu umat untuk memimpin tamadun dunia dan menjadi umat contoh , terutamanya pada masa sekarang di,mana imej dan citra agama Islam digambarkan dalam keadaan yang buruk. Gambaran suram wajah Islam hari ini semestinya diperbetulkan melalui kekuatan peribadi, intelek, ekonomi, pemikiran, kebudayaan generasi muda pada hari ini.

Peranan generasi muda sememangnya terserlah dalam sejarah manusia itu sendiri. Golongan mudalah yang menjadi pelopor kepada suatu kebangkitan dan menjadi penggerak kepada arus perdana perubahan masyarakat. Dalam sejarah perkembangan Islam, sejak ia bermula bertapak di Mekah sehingga berkembang ke Madinah, golongan mudalah yang banyak memainkan peranan utama seperti sahabat Rasulullah SAW yang setia berjuang dan berjihad menegakkan kalimah Allah dimuka bumi ini.

Lihatlah nama-nama besar seperti Saidina Ali, Saidina Osman, Abdul Rahman bin Auf, Ibnu Zubair, Ibnu Abbas dan ramai lagi sahabat-sahabat yang menjadi pendokong utama dan jentera penggerak pembinaan ketamadunan Islam. Sejarah juga pernah menyaksikan ketangkasan Usamah bin Zaid yang berusia 18 tahun memimpin satu bala tentera untuk menyerang kerajaan Rom dan Kehebatan Muhammad Al Fateh membuka Kota Istanbul (Konstantinopal) ketika berusia

Peranan golongan muda dalam Al Quran dirakamkan dalam episod pemuda-pemuda kahfi yang bersikap berani mempertahankan akidah dari seorang raja yang zalim.

Firman Allah SWT dalam surah al Kahfi 18 : 13 - 14, Terjemahannya :

“ Kami ceritakan kisah mereka (Ashabul kahfi) kerana keredaanmu (Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan kami telah tambahkan kepada mereka petunjuk dan kami telah meneguhkan hati mereka di waktu mereka berdiri lalu mereka berkata ;” Tuhan kami adalah Tuhan selain Dia, Sesungguhnya kami kalau demikian telah mengucapkam perkataan yang amat jauh dari kebenaran”.

1. Oleh sebab setiap yang hidup pasti mati, kita perlu beringat-ingat ketika hidup bahawa kematian boleh “menjemput” kita pada bila-bila masa tanpa amaran. Oleh itu kita perlu berwaspada dari segi keselamatan diri dan penjagaan kesihatan. Kita juga sepatutnya tidak menyalahkan takdir apabila berlaku kematian kerana yang demikian itu memang lumrah kehidupan. Manusia juga tidak seharusnya sombong dan bongkak kerana yang terus kekal hidup hanya tuhan. Manusia adalah makhluk yang lemah dan tidak akan kekal hidup menongkat langit

2. Manusia perlu melakukan kebaikan sebanyak mungkin ketika hidup kerana kebaikan itu merupakan satu-satunya bekalan untuk dibawa apabila menempuh kematian. Oleh itu manusia perlu menggunakan masa yang ada ketika hidup untuk mengerjakan amalan yang baik. Manusia yang tidak sempat melakukan amal kebajikan ketika hidup akan kembali dengan keadaan “tangan kosong” apabila mati dan oleh sebab amalan kebajikan itu merupakan sesuatu yang akan diambil kira untuk diberikan pembalasan, akan rugilah seseorang yang mati tanpa amalan yang baik

3. Manusia tidak mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan ajalnya kerana perkara tersebut terletak di tangan tuhan. Manusia bagaimanapun digalakkan untuk berikhtiar untuk terus hidup. Namun begitu sekiranya ajalnya sudah sampai dia pasti tidak dapat melawan kehendak tuhan. Dalam hal ini, kita harus menerima hakikat bahawa nyawa manusia tidak dapat dibeli dengan apa sekalipun. Manusia yang mampu mungkin akan berbelanja beribu-ribu ringgit dalam usahanya untuk mengubati penyakitnya namun sekiranya tuhan menetapkan kematiannya, segala usahanya akan menjadi sia-sia.

KEMATIAN

4. masa yang berlalu tidak akan kembali lagi. Masa yang kita lalui hari ini akan menjadi sejarah hidup kita esok. Oleh itu kita tidak seharusnya memikirkan perkara yang telah berlaku sehingga lupa akan tanggungjawab kita pada masa kini. Kita akan menjalani kehidupan secara “satu hala” dan pada akhir kehidupan itu kematian akan menunggu kita. Oleh itu kita perlu mengisi kehidupan ini dengan perkara-perkara yang berfaedah dan kita perlu beringat bahawa setiap hari yang kita lalui itu akan mendekatkan kita kepada kematian

5. Dalam menempuh kehidupan ini, kita hendaklah mengikis sikap suka berputus asa. Ini kerana sikap yang demikian itu meletakkan diri kita seolah-olah orang yang telah mati sebelum ajal. Pada kebiasaannya orang yang berputus asa itu akan menghabiskan waktunya dengan menyesali dirinya dan tidak akan membuat sesuatu yang berfaedah. Orang yang berputus asa juga dianggap tidak berguna lagi kepada masyarakat sama seperti kata penyajak “bagai pelabuhan tidak berkapal”. Sekiranya kita menempuh kegagalan dalam hidup, sepatutnya kita cuba bangun semula dan mengatasi kelemahan kita. Lagipun orang yang berjaya bukanlah orang yang tidak pernah gagal tetapi orang yang mampu bangun semula selepas menempuh kegagalan



NASIHAT IMAM SYAFIE (PANDUAN BERSAHABAT)

Rosaknya Keperibadian Seseorang

Dalam diri manusia itu ada dua macam potensi tipuan dan rayuan. Dua hal itu seperti duri jika dipegang dan ibarat bunga jika dipandang. Apabila engkau memerlukan pertolongan mereka, bersikaplah bagai api yang dapat membakar duri-duri itu.

SIDANG REDAKSI

- Penaung** : Dato' Mustafa bin Abd.Rahman
Ketua.Pengarah JAKIM
- Penasihat** : Tn.Haji.Ghafani Awang Teh
Pengarah KESUMA
- Ketua Pengarang** : Imam Besar Masjid Negara
- Pengarang** : Mohd.Zuhairree Mohd.Yatim
- Pen. Pengarang** : Subhi bin Ishak
Ustaz Jamali Adnan
Ustaz Saiful Azhar Wahab
Ustaz Mahadi Dahlan
Ustaz Nik Riduan Nik Muhammad
Ustazah Norfarazila Nordin
- Rekabentuk** : Encik Mohd Amin Mohd Nawi
- Edaran** : Fairuzalusdi b Haji Mokhtar

INFO KESIHATAN

KETAGIHAN ALKOHOL

Dari segi perubatan, pengambilan sedikit alkohol boleh menyembuhkan penyakit tertentu tetapi jika diambil berlebihan ia dianggap sebagai **penyalahgunaan** alkohol dan boleh membawa kepada ketagihan alkohol. Ketagihan alkohol merupakan satu penyakit yang boleh memudaratkan kesihatan fizikal, tingkah laku dan emosi peminumnya.

KESAN FIZIKAL

- Merosakkan tindak balas refleks mental dan fizikal.
- Kanser otak, lidah, mulut, esofagus, larink dan pundi kencing.
- Merosakkan organ hati seperti sirosis, steatosis dan hepatitis.
- Ulser dan gastritis
- Kecederaan otak dan masalah saraf
- Masalah jantung dan tekanan darah
- Kekurangan zat makanan dan gangguan dalam perut
- Kegemukan (obesiti) atau berlebihan berat badan
- Masalah seksual
- Kecacatan kelahiran seperti sindrom alkohol janin (FAS)

SINDROM ALKOHOL JANIN (FETAL ALCOHOL SYNDROME - FAS)

FAS merupakan satu gejala yang sangat serius yang boleh dicegah. Ia boleh memberi kesan buruk kepada mangsa serta keluarganya. Kanak-kanak yang menghadapi FAS akan menderita sepanjang hayatnya akibat dari kesan masalah ini. Bayi yang lahir dengan FAS akan mengalami:

- Kekurangan berat badan.
- Kurang tinggi
- Kepala kecil
- Masalah jantung
- Kecacatan kaki-tangan serta sendi
- Koordinasi yang lemah
- Hilang ingatan
- Masalah pembelajaran

Sabda nabi Ilmu itu milik tuhan, barang siapa menyebarkan ilmu demi kebaikan insyaallah tuhan akan mengandakan 10 kali kepadanya.

Masalah-masalah lain yang akan dialami oleh mangsa ialah masalah kesihatan mental, zaman persekolahan yang terganggu, kelakuan seksual yang luarbiasa, menghadapi masalah undang-undang, masalah dadah dan alkohol serta sukar menjaga diri dan anak-anak mereka. Mereka sering menjadi kutu rayau.

TIPS PENJAGAAN KESIHATAN MENURUT ISLAM

Tahukah anda mengamalkan minum secawan air teh "O" setiap pagi boleh mengawal berat badan anda. Isyaallah jika anda mengamalkannya, berat badan anda akan berkurangan. (memang terbukti keberkesanan). Al-Quran Juga ada mengajar kita menjaga kesihatan spt membuat amalan spt :-

Mandi Pagi sebelum subuh @ sekurang kurangnya sejam sebelum matahari naik. Air sejuk yang meresap kedalam badan boleh mengurangkan lemak mengumpul. Kita boleh saksikan orang mengamalkan mandi pagi kebanyakan badan tidak gemuk.

Rasulullah SAW mengamalkan minum segelas air sejuk setiap pagi. Mujarabnya Insyaallah jauh dari penyakit.

Waktu sembahyang subuh disunatkan kita bertafakur (iaitu sujud sekurang-kurangnya seminit selepas membaca doa). Ia boleh mengelak dari sakit pening atau migrin. Ini terbukti oleh para saintis yang membuat kajian kenapa dalam sehari perlu kita sujud. Ahli-ahli sains telah menemui beberapa milimeter ruang udara dalam saluran darah di kepala yang tidak dipenuhi darah. Dengan bersujud maka darah akan mengalir keruang berkenaan.

Dalam kitab juga ada melarang kita makan makanan darat bercampur dengan makanan laut. Nabi pernah menegah kita makan ikan bersama susu. Di kuatiri akan cepat mendapat penyakit. Ini terbukti oleh saintis yang menjumpai dimana dalam badan ayam mengandungi ion (+) manakala dalam ikan mengandungi ion (-). jika dalam suapan ayam bercampur dengan ikan maka terjadi tidakkan balas biokimia yang terhasil dan boleh merosakkan usus kita.

Nabi juga mengajar kita makan dengan tangan dan bila habis hendaklah menjilat jari. Begitu juga ahli saintis telah menjumpa bahawa enzyme banyak terkandung di celah jari, iaitu 10 kali ganda terdapat dalam air liur. (enzyme sejenis alat pencernaan makanan, tanpanya makanan tidak hadam).

JIN di dalam al-Qur'an

Dua makhluk yang dicipta oleh Tuhan dan kemudian diperintah upaya menyembah-Nya adalah jin dan manusia. Walaupun sama dalam perintah namun dalam ciptaan mereka terdapat perbezaan yang besar. Tidak seperti manusia yang dicipta daripada tanah liat yang kering, daripada lumpur yang dibentuk ([15:26](#)), makhluk jin dicipta daripada api yang membakar, yang tiada asap. Demikian mengikut penjelasan dua ayat al-Qur'an yang berikut:

"Dan jin, Kami mencipta sebelumnya daripada api yang membakar." ([15:27](#))

"Dan Dia mencipta jin daripada api yang tiada asap." ([55:15](#))

Sebaliknya, seperti manusia pula, mereka mempunyai keturunan. Antara keturunannya menjadi musuh bagi manusia, iaitu keturunan Iblis. Kerana ia melakukan kefasiqan terhadap perintah Tuhan. Allah berfirman,

"Dan apabila Kami berkata kepada para malaikat, 'Sujudlah kamu kepada Adam'; maka mereka sujud, kecuali Iblis; ia adalah daripada jin, dan ia melakukan kefasiqan terhadap perintah Pemeliharanya. Apa, adakah kamu mengambil ia dan keturunannya untuk menjadi wali-wali (sahabat-sahabat) kamu, selain daripada Aku, sedang mereka adalah musuh bagi kamu?" ([18:50](#))

Manusia dilarang mengambil Iblis dan keturunannya sebagai sahabat atau wali. Selain itu, jin dijadikan sekutu bagi Allah, dipercayai serta disembah, oleh sesetengah manusia. Firman-firman-Nya:

"mereka mengadakan bagi Allah, sebagai sekutu-sekutu, jin, padahal Dia yang mencipta mereka." ([6:100](#))

"tetapi mereka menyembah jin; kebanyakan mereka mukmin pada mereka." ([34:41](#))

Mungkin di kalangan manusia yang berbuat demikian melakukannya dengan tanpa disedari. Macam mereka yang menjadikan orang alim sebagai sekutu Allah, tetapi menafikannya.

Pengaruh jin begitu kuat sehingga terdapat manusia yang mempercayai mereka berkeluarga dengan Tuhan, walaupun mereka mengetahui bahawa mereka akan dihadapkan kepada-Nya pada hari akhirat, seperti manusia. Firman-Nya,

"Mereka mengadakan satu pertalian kekeluargaan antara Dia dan jin; dan jin mengetahui bahawa mereka akan dihadapkan." ([37:158](#))

Terdapat juga manusia yang diambil oleh jin lalu mereka mendapat kesenangan daripadanya. Kesenangan mereka hanya di dunia, tidak di akhirat. Tuhan menjelaskan,

"Pada hari Dia mengumpulkan mereka kesemuanya: 'Wahai golongan jin, kamu telah banyak mengambil daripada manusia.' Kemudian sahabat-sahabat mereka di kalangan manusia berkata, 'Wahai Pemelihara kami, sebahagian kami telah mendapat kesenangan daripada sebahagian yang lain, dan kami telah sampai tempoh yang Engkau tentukan bagi kami.' Dia berkata, 'Apilah tempat tinggal kamu, di dalamnya tinggal selama-lamanya'; kecuali seperti yang Allah mengkehendaki; sesungguhnya Pemelihara kamu Bijaksana, Mengetahui." ([6:128](#))

Ada pula manusia yang meminta perlindungan daripada jin. Mereka terdiri daripada kaum lelaki, dan daripada golongan jin yang diminta, adalah lelaki juga. Perbuatan itu menambahkan mereka dalam kekejian. Firman-Nya,

"Tetapi ada lelaki-lelaki tertentu daripada manusia yang meminta perlindungan kepada lelaki-lelaki tertentu daripada jin, dan mereka menambahkan mereka dalam kekejian," ([72:6](#)).

Ayat di atas merupakan amaran bagi sesiapa yang ingin mengambil perlindungan daripada jin. Satu lagi contoh amalan yang disifatkan keji menurut al-Qur'an ialah melupakan ayat-ayat Allah setelah mendapat kesenangan hidup ([25:18](#)).

Beralih kepada kisah Nabi Sulaiman yang di sekitarnya diwarnai cerita luar biasa tetapi benar. Baginda didapati telah memperhambakan makhluk jin, dengan memasukkan mereka ke dalam pasukan tenteranya ([27:17](#)), dan menjadikan mereka pekerja dalam sektor pembinaan, pengukiran patung-patung, serta pembuatan pelbagai perkakas yang berseni ([34:13](#)).

Firman Allah dalam Alqur'an :

Ingatlah ketika Kami berfirman kepada para malaikat: sujudlah kalian kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali iblis, dia menolak dan bersikap sombong, dia adalah termasuk golongan kafir (q.s. al-Baqarah 2:34).

Allah berfirman: Apakah yang menghalangimu untuk bersujud kepada Adam sewaktu Aku menyuruhmu? Iblis menjawab: saya lebih mulia daripada dia. Engkau ciptakan saya dari api sedang Engkau ciptakan dia dari tanah (q.s. al-A'raf 7:12).

SEJENAK BERSAMA AL QURAN

Oleh :Ustaz Saiful Azhar bin Wahab

Al-Quran merupakan mukjizat paling besar kepada nabi Muhammad S.A.W dan ianya berkekalan sehingga hari kiamat. Tiada makhluk yang akan dapat mencabar kebenaran al Quran dan kemukjizatannya. Terdapat suara-suara sumbang yang mengatakan al Quran tidak sesuai di zaman moden. Undang-undang al Quran adalah undang-undang lapok dan sebagainya. Suara-suara tersebut adalah suara yang mencabar kebenaran yang di bawa al Quranul Karim.

Untuk renungan kita bersama. Al Quran adalah diturunkan kepada nabi Muhammad SAW yang diketahui buta huruf yang mana kebanyakan waktunya dihabiskan dengan memelihara kambing dan berniaga. Mana mungkin seorang yang buta huruf tiba-tiba mampu untuk menulis kitab yang mengandungi perundangan yang sempurna, kitab yang mengandungi kisah-kisah orang yang terdahulu dan orang yang kemudian.. Orang yang berakal tentulah akan bangkit mengatakan bahawa ini bukanlah ciptaan manusia. Jauh sekali ciptaan seorang ummi yang buta huruf.

Kalau kita hendak melihat adakah al Quran itu mukjizat atau pun tidak, kita lihat bagaimana manusia moden pada hari ini cuba mencipta dan menjalankan sistem perundangan dan pemerintahan yang berdasarkan komunisme, sosialisme, sekularisme dan ideologi yang lain tetapi semuanya menemui kegagalan. Tak sampai pun seratus tahun komunisme telah tumbang. Tetapi mengkagumkan bagi Al-Quran kerana walaupun berusia lebih seribu tahun tapi masih tetap tiada sebarang perubahan. Orang-orang yang berakal dari Barat sendiri mengakui perundangan Al-Quran adalah yang terbaik dan sempurna seperti hukuman 100 rotan untuk pezina yang belum berkahwin merupakan satu-satunya jalan untuk mengubati penyakit Aids. Manakala bagi mereka yang sudah berkahwin maka tiada jalan lagi kerana mereka memang tiada peluang lagi untuk selamat daripada penyakit itu melainkan direjam sehingga mati. Begitu juga Islam menjaga maruah seseorang daripada di'aibkan walaupun dia bersalah selagi mana dia tidak

dihukum melalui hukum *li'an*, *qazaf*, *zihar* dan beberapa hukum yang lain.

Ini membawa kepada penjagaan maruah pesalah dan keluarganya dan mengelakkan orang ramai daripada membuat tuduhan tanpa bukti dan saksi.

Kita juga pernah membaca bagaimana kerajaan Amerika Syarikat cuba mengharamkan peminuman, pembelian, penjualan, pengeluaran dan pengedaran arak pada tahun 1930. Mereka mengemukakan pelbagai cara melalui penyelidikan yang teliti dan perbincangan ilmiah mengenai bahayanya arak untuk disebarkan kepada rakyat mengenainya.

Media massa digunakan sepenuhnya untuk menerangkan mengenai perkara ini yang mana tujuan ini menelan belanja sebanyak US65 juta dan pencetakan sahaja meliputi US9 juta dan 4 juta lebih bagi tujuan pelaksanaan undang-undang ini. Menurut laporan dari bahagian penyelidikan dan pengkajian menunjukkan kesan pelaksanaannya antara Oktober 1933 telah menyebabkan 200 orang dihukum bunuh, seramai setengah juta orang dipenjarakan dan rampasan kepada arak mencapai angka US 1.5 juta serta denda yang dikenakan kerana kesalahan ini berjumlah US400 juta. Akhirnya undang-undang ini terpaksa dibatalkan pada akhir tahun 1933 memandangkan mereka kehilangan banyak nyawa dan juga denda yang dilakukan tidak mampu membendung masalah arak ini. Ini adalah kerana undang-undang yang dicipta oleh tangan manusia tidak mampu menimbulkan keinsafan dan juga tiadanya perhubungan antara duniawi dan ukhrawi tidak sepertimana hukum Allah yang Maha Adil dan memberi kesan kepada makhluk-Nya. Hukuman sebat sebanyak 80 rotan ke atas peminum arak sebagaimana yang ditetapkan oleh Islam mampu menginsafkan mereka yang terlibat dan mampu pula untuk mencegah orang lain dari terjerumus dalam kesalahan yang sama. Ia juga dilaksanakan dihadapan ramai bukannya di bilik khas yang mana hanya pegawai yang bertugas dan pesalah sahaja yang tahu azabnya seksaan yang dijatuhkan ke atasnya. Bilakah kita mampu merasai keadilan hukum Allah? Ia adalah kewajiban kita bersama di dalam melaksanakannya

6:100. Namun begitu, mereka mengadakan bagi Allah, sebagai sekutu-sekutu, **jinn**, padahal Dia yang mencipta mereka. Mereka mengandaikan bagi-Nya anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan tanpa sebarang pengetahuan. Dia disanjung! Tingginya Dia di atas apa yang mereka menyifatkan.

6:112. Begitulah Kami mengadakan bagi tiap-tiap Nabi suatu musuh, syaitan-syaitan daripada manusia dan **jinn**, yang mewahyukan ucapan palsu yang indah-indah kepada satu sama lain, untuk menipu; dan sekiranya Pemelihara kamu menghendaki, tentu mereka tidak membuatnya. Maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka mengadakan.

6:128. Pada hari Dia mengumpulkan mereka kesemuanya: "Wahai golongan **jinn**, kamu telah banyak mengambil daripada manusia." Kemudian wali-wali mereka di kalangan manusia berkata, "Wahai Pemelihara kami, sebahagian kami telah mendapat kesenangan daripada sebahagian yang lain, dan kami telah sampai tempoh yang Engkau tentukan bagi kami." Dia berkata, "Apilah tempat tinggal kamu, di dalamnya tinggal selama-lamanya"; kecuali seperti yang Allah mengkehendaki; sesungguhnya Pemelihara kamu Bijaksana, Mengetahui.

6:130. "Wahai golongan **jinn** dan manusia, tidakkah rasul-rasul datang kepada kamu sendiri yang menceritakan kepada kamu ayat-ayat-Ku, dan memberi amaran kepada kamu mengenai pertemuan hari kamu ini?" Mereka berkata, "Kami menyaksikan terhadap diri-diri kami sendiri." Mereka ditipu oleh kehidupan dunia, dan mereka menyaksikan terhadap diri-diri mereka sendiri bahawa mereka adalah orang-orang yang tidak percaya.

MUHASABAH

DIRIKU

Dalam rancak kau menyiram taman hati insan lain,
Kau terlupa membajai taman hatimu sendiri,
Agar ia sentiasa segar dalam hubungan dengan
ALLAH,

Tersentuh dengan daulat-Nya,
Merasa terpicul amanah ad-Deen ini,
Bukan kerana kau berjamaah,
Namun kerana engkau di bawah perintah-Nya...

Diriku,

Seringkah kau mencari jalan,
Agar hatimu sentiasa lembut halus sentuhannya,
Agar sentiasa sedar akan keagungan-Nya
Insafi kekerdilan, kelemahan, kealpaan dan kesilapan
dirimu...?

Ketahuiilah diriku,

Hatimu itu keras, khusyu' mu kurang,
Syukur dan redhamu tidak banyak kau hadiahkan
pada-Nya...

Terlalu banyak kurang dan salahmu...

Diriku,

Tunaikanlah solatmu dalam khusyu' dan tenang...
Muhasabalah dirimu kala sunyi,
Selamilah kalam-kalam al-Quran yang kau
perjuangkan,
Padanya ada bekal,
Untuk kau terus menongkah bahtera perjuangan ini,

Diriku,

Pada nawafil dan amal an sunat,
Ada jalan yang hampir untukmu berkasih sayang
dengan Tuhanmu,
Pada qiamullail di keheningan malam,

Bersama bisikan doa dan munajatmu,
Diiringi esak air mata keinsafan dan keikhlasanmu,
Kau akan temui kemanisan taqarrub di bawah duli
kebesaran-Nya,
Di situ ada bekalnya,
Lazimilah awal dirimu dengan al-Ma'thurat,
Pasti kau akan mengenali siapa dirimu sebagai daie...

Diriku,

Pada tawadhu', pada ukhwah fillah, pada infaq fi
sabilillah,
Pada uzlah muhasabah diri, pada zikir selawat,
Ada ketenangan dan kekuatanmu,

Diriku,

Ketahuiilah bahawa hanya hati yang hidup sahaja,
Yang dapat memberikan nafas kepada hati yang
mati...
Hati yang turut mati tidak mungkin menyembuhkan
hati yang sakit,
Apatah lagi menghidupkan hati yang mati...

Diriku,

Amanahlah dikau dihadapan manusia,
Kerana kedaulatan Tuhanmu,
Namun rasailah kekerdilan dirimu,
Di hadapan qudrat dan iradat-Nya
Pasakkan keyakinan untuk satu perubahan,
Dimanakah diriku kini, Ya Tuhan..
Ampunilah diriku...

KISAH TELADAN

Rasulullah SAW dengan sebiji limau

"Suatu hari Rasulullah SAW didatangi oleh seorang wanita kafir. Ketika itu baginda bersama beberapa orang sahabat. Wanita itu membawa beberapa biji buah limau sebagai hadiah untuk baginda. Cantik sungguh buahnya. Siapa yang melihat pasti terliur. Baginda menerimanya dengan senyuman gembira. Hadiah itu dimakan oleh Rasulullah SAW seulas demi seulas dengan tersenyum. Biasanya Rasulullah SAW akan makan bersama para sahabat, namun kali ini tidak. Tidak seulas pun limau itu diberikan kepada mereka. Rasulullah SAW terus makan. Setiap kali dengan senyuman, hinggalah habis semua limau itu. Kemudian wanita itu meminta diri untuk pulang, diiringi ucapan terima kasih dari baginda. Sahabat-sahabat agak hairan dengan sikap Rasulullah SAW itu. Lalu mereka bertanya. Dengan tersenyum Rasulullah SAW menjelaskan "Tahukah kamu, sebenarnya buah limau itu terlalu masam semasa saya merasainya kali pertama. Kiranya kalian turut makan bersama, saya bimbang ada di antara kalian yang akan mengenyetkan mata atau memarahi wanita tersebut. Saya bimbang hatinya akan tersinggung. Sebab tu saya habiskan semuanya." Begitu-lah akhlak Rasulullah SAW. Baginda tidak akan memperkecil-kecilkan pemberian seseorang biarpun benda yang tidak baik, dan dari orang bukan Islam pula. Wanita kafir itu pulang dengan hati yang kecewa. Mengapa? Sebenarnya dia bertujuan ingin mempermain-mainkan Rasulullah SAW dan para sahabat baginda dengan hadiah limau masam itu. Malangnya tidak berjaya. Rancangannya di'tewas'kan oleh akhlak mulia Rasulullah SAW.

INFO PENGGUNA

PENGGUNA

Dengan lain perkataan walaupun pengguna mempunyai hak-hak tertentu, namun hak-hak berkenaan bukanlah diperolehi secara otomatis. Ramai pengguna yang kurang tahu atau kurang mengambil tahu akan hak-hak mereka. Pengguna harus diberi kesedaran bahawa mereka mempunyai hak-hak tertentu dan seterusnya berusaha bagi mendapatkan hak-hak mereka. Pada kebiasaannya pengguna itu tidak akan mendapat haknya melainkan :-

- Mengetahui apakah hak-haknya;
- Menuntut hak-hak tersebut daripada pihak yang wajar memberikannya;
- Memainkan tanggungjawab dan peranan mereka dan berusaha mendapatkan hak-hak itu.

Maka amalan seorang pengguna yang baik dan bijak ialah membuat imbalan antara tanggungjawabnya sebagai pengguna dan dalam masa yang sama menuntut apa yang sepatutnya mereka berhak mendapatkannya.

SIAPA ITU PENGGUNA?

Pengguna ialah setiap orang yang mendapatkan barangan dan perkhidmatan dari pasaran untuk kegunaan dirinya dan keluarganya. Secara mudah kita lihat pengguna dan konsep kepenggunaan ini dalam konteks yang paling mikro iaitu diri kita sendiri. Kita sebagai individu adalah pengguna tanpa mengira siapa sebenarnya kedudukan kita dalam masyarakat sekeliling. Sebahagian besar dari apa yang kita gunakan adalah hasil usaha orang lain sama ada dalam bentuk barangan atau perkhidmatan. Walaupun barangan atau perkhidmatan itu kita keluarkan sendiri atau kita bayar untuk menikmatinya tidak dinafikan bahawa kita adalah pengguna. Sebagai pengguna yang terpaksa membayar dengan jumlah wang atau tenaga usaha dengan kadar tertentu kita memang mengharapkan bahawa faedah yang kita perolehi dari transaksi berkenaan adalah faedah yang paling maksimum. Kita juga merasa bahawa kita perlu dilayan seperti raja dari segi barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada kita kerana kitalah yang berhak menentukan sama ada kita akan membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan dan dari siapa kita akan mendapatkannya.

Soalan Apakah makna nama saya? **NUR SHAFINAZ**

Jawapan Maksud perkataan Nur ialah cahaya, Shafi bermaksud bersih, Naz – tiada makna.

Soalan apakah hukum jika seseorang belajar silat dan mengamalkan peraturan silat seperti tidur diatas kain putih dan amalkan pantang larangnya?

Jawapan Sebarang amalan persilatan ataupun per-bomohan yang mengandungi unsur-unsur khurafat, tahyul, syirik, pemujaan, dan lain-lain amalan yang bertentangan dengan hukum syarak adalah dilarang menyertainya dan hendaklah di jauhi.

Program Masjid akan Datang

1. Sambutan Maulidur Rasul 19.03.2008 (khamis)
2. Kuliah Setiap Jumaat 12.30 tengahari
3. Bacaan Yasin Setiap Malam Jumaat
4. Kursus Jenazah 01.03.2008 (Kakitangan PTPTN)

Kelas-Kelas Pengajian Pendidikan Masjid Negara.

Kelas Pengajian Al-quran (Dewasa)

Al quran pra asas

Al quran Asas

Al quran Lanjutan

Hari kelas antara Isnin&Rabu atau

Selasa&Khamis

Masa terbahagi kepada 2 iaitu 1) 5.00ptg-

7.00ptg 2) 8.00mlm-10.00mlm

Kelas Bahasa Arab (Dewasa)

Bahasa Arab Asas

Bahasa Arab Menengah

Bahasa Arab Lanjutan

Hari kelas antara Isnin&Rabu atau

Selasa&Khamis

Masa ialah dari jam 8.00mlm – 10.00mlm

Kelas Fardhu Ain Umum (dewasa)

- Setiap Malam Jumaat – 8.00mlm-10.00mlm

Kelas Pengajian Wanita

- Setiap Hari Sabtu pada jam 2.30 hggga 4.30 petang

Kelas Tahfiz Kanak-kanak

-Setiap Hari Ahad

Soalan: Bagaimanakan pengurusan berkualiti menurut Islam?

Jawapan:

Islam memakai konsep sederhana dalam kehidupan. Sederhana dalam Islam bukanlah bererti membuang kewajipan dan menggantikannya dengan sesuatu yang menghancurkan kewajipan tersebut. Sederhana dalam Islam ertinya meletakkan sesuatu itu pada tempatnya. Sederhana dalam Islam bukanlah bererti menurunkan status wajib kepada sunat atau memudahkan sesuatu yang telah ditetapkan oleh syarak tetapi sederhana dalam Islam adalah melaksanakan tanggungjawab sesuai dengan ketentuan yang telah digariskan.